

TEKS UCAPAN PERASMIAN
“SPEAKERS CORNER”
YANG BERBAHAGIA
BRIG. JEN.PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN BIN HJ.
AMPON
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Bismilahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, Salam 1Malaysia

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UMS

Siswa Siswi Universiti Malaysia Sabah

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya, dapatlah kita bersama-sama di majlis perasmian *Speakers Corner* yang diadakan buat julung-julung kalinya ini. Syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana yang bertekad dalam menjayakan penganjuran program ini yang sememangnya sangat signifikan dengan keperluan mahasiswa dan mahasiswi pada masa kini.

Para hadirin sekalian,

Masyarakat kini melabel mahasiswa sebagai golongan yang kian 'lesu'. Ini disebabkan mahasiswa kini kurang peka terhadap perkembangan isu-isu semasa yang melanda masyarakat dunia mahupun negara kita. Saya percaya ini disebabkan oleh tumpuan para pelajar yang terlalu memfokuskan kepada hal ehwal akademik semata-mata hingga melupakan isu-isu dan keadaan yang berlaku di persekitaran.

Namun demikian, dengan adanya program seumpama ini, dapatlah kita memberi sumbangan bakti kepada bakal-bakal pemimpin mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan memberikan mereka peluang untuk belajar dan menguasai ilmu pengucapan umum dengan lebih baik. Ini merupakan satu motivasi dan inspirasi kepada mereka untuk terus berusaha untuk menjadi seorang bakal graduan yang benar-benar berkualiti melalui penguasaan ilmu disamping penyampaian serta komunikasi yang berkesan melalui penyertaan dalam pidato atau pengucapan umum ini.

Saya melihat program ini juga mampu menjadi saluran kepada mahasiswa dan mahasiswi UMS yang akan meneruskan nadi kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar kelak untuk terus menunjukkan kepimpinan yang berwibawa dan berdaya saing. Melalui program ini para siswa siswi akan dilatih untuk memberi pengucapan umum yang baik serta membantu para pelajar mengatasi perasaan gemuruh ketika berucap dihadapan ramai. Saya percaya ini juga sekaligus melahirkan siswa siswi yang mempunyai kemahiran insaniah atau soft-skill yang tinggi.

Para hadirin sekalian,

Sepanjang program ini berlangsung, para pelajar juga akan didedahkan dengan pelbagai isu-isu semasa serta isu-isu dalam kampus sebagai usaha mendidik siswa siswi menjadi bakal graduan yang peka dan proaktif.

Sehubungan itu, sebagai langkah bagi membantu meletakkan mahasiswa sentiasa berada di landasan yang betul, pihak universiti akan terus menyokong pelbagai program yang mengkhususkan kepada 'soft skill' para pelajar termasuklah program-program seumpama ini. Program Speakers Corner ataupun Medan Pengucapan Umum ini merupakan suatu langkah permulaan yang saya kira cukup baik.

Justeru, adalah diharapkan dengan terlaksananya aktiviti ini, para pelajar akan memberikan respon yang baik dalam membudayakan kehidupan sebagai seorang pelajar yang unggul serta peka dengan pelbagai isu-isu semasa baik di dalam mahupun di luar kampus dalam menjana keunggulan ummah. Mudah-mudahan

program seperti ini menjadi pemangkin kepada pelajar yang lain untuk terus berusaha dan cemerlang dalam bidang pembangunan kemahiran insaniah mahupun aktiviti kemahasiswaan di masa hadapan.

Para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur kerana berjaya mengadakan program yang sangat bermanfaat ini. Saya sesungguhnya akan sentiasa menyokong penuh program-program yang mampu memberi impak terhadap pembangunan pelajar di universiti ini. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan program Speakers Corner Sesi 2009/2010.

Sekian terima kasih. Wassalam.